

18 MAR 1997

Mahathir-Laluan

DR MAHATHIR LANCAR LALUAN JALAN KAKI HUTAN TERPANJANG DI DUNIA

JERANTUT, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan laluan jalan kaki yang terpanjang di dunia yang tergantung di antara pokok-pokok di Taman Negara, di sini.

Laluan jalan kaki sejauh 450 meter itu dibina oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sebagai satu tarikan pelancong.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir ialah Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Laluan pejalan kaki itu yang berharga RM200,000 siap pada tahun 1994 dan ia terletak 1.3 km dari Taman Negara Resort dan ia mengambil masa setengah jam untuk berjalan ke sana.

Ia tergantung di antara pokok-pokok antara 40 dan 60 meter dari permukaan tanah dan terdapat sembilan tempat berhenti dari satu pokok ke pokok lain.

Laluan itu melalui benteng sungai yang rata bagi jarak lebih kurang 500 meter, yang merentasi kawasan hutan matang dan kawasan hutan sekunder.

Sementara di tempat-tempat berhenti itu, para pencinta alam boleh menikmati keindahan hutan hujan tropika yang berusia 130 juta tahun yang kaya dengan pelbagai flora dan fauna.

Seorang jurucakap Perhilitan berkata, sebagai langkah keselamatan laluan jalan kaki itu diperiksa setiap pagi.

Beliau berkata tali yang digunakan untuk menggantung laluan itu dari atas pokok boleh menanggung beban sebanyak lima tan metrik sementara kabel keluli yang digunakan boleh menanggung beban lebih 10 tan metrik.

"Pokok-pokok yang digunakan pula dilindungi dengan "wooden spacers" yang dipasang antara kulit pokok dan kabel serta tali dengan tiada paku digunakan pada pokok-pokok itu," kata beliau. -- BERNAMA

ARA PR